

Pendapatan cecah RM5,000 sebulan

Projek Agropolitan diperkenalkan ECER tingkat taraf hidup masyarakat Orang Asli

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Irwan Sharizan Ismail
bhnews@bharian.com.my

PEKAN: Projek Agropolitan program sosioekonomi untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin diperkenalkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bukan saja menjadikan bandar ini hab biri-biri Dorper terbesar di rantau ini, malah membolehkan Orang Asli memperoleh pendapatan sehingga RM5,000 sebulan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata projek itu juga berjaya menukar mentaliti masyarakat Orang Asli menjadi lebih produktif.

“Mereka semakin rajin bekerja... sebelum ini mereka bekerja empat jam tetapi sekarang meningkat kepada lima hingga tujuh jam. Ini menunjukkan cita-cita kerajaan untuk melihat kehidupan Orang Asli lebih baik dari semasa ke semasa semakin menjadi kenyataan.

“Oleh itu penting bagi kita untuk

memilih kerajaan yang mempunyai misi dan perancangan rapi seterusnya terbukti kemampuan membawa transformasi kepada rakyatnya,” katanya merasmikan projek Persisiran Warisan Pekan sempena Karnival Pekan dan lelongan biri-biri Dorper, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Eksekutif ECER, Datuk Jebasingam Issace John.

Najib turut meluangkan kira-kira setengah jam meninjau projek Persisiran Warisan Pekan memabatkan beberapa komponen termasuk menaik taraf Jalan Sultan Ahmad di hadapan Masjid Sultan Abdullah sehingga pasar, pembinaan kios peniaga barangan tradisional dan makanan tempatan.

Katanya, sebuah medan selera serta kompleks pemasaran dan pameran untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga akan dibina dan siap pada suku keempat 2013.

“Kerja menaik taraf Muzium Sul-

tan Abu Bakar juga sudah selesai, manakala penyediaan bahan pameran di muzium dijangka siap September ini,” katanya.

Najib juga menyaksikan lelongan amal biri-biri Dorper dengan sejumlah RM466,300 untuk jualan 439 biri-biri berjaya dikutip hasil lelongan berkenaan. Jumlah itu meningkat berbanding RM265,660 untuk jualan 465 biri-biri pada lelongan pertama pada 2010.

Sejumlah 17 syarikat korporat menyertai lelongan dengan Kuantan Port Consortium Sdn Bhd berjaya membuat bidaan tertinggi sebanyak RM120,000 bagi 10 baka biri-biri dorper terbaik. Kutipan hasil lelongan amal disalurkan kepada Tabung Agropolitan Runchang untuk kegunaan peserta projek.

Najib kemudian melawat rumah Pengerusi Tetap UMNO Cawangan Ketapang Hilir, Abdul Manaf Sudin, 57, yang terbakar kelmarin dan menyampaikan sumbangan RM20,000 termasuk daripada Yayasan Rahah.

● AZMAIDI ABIDIN | BERITA MINGGU



NAJIB dan Adnan melawat rumah Abdul Manaf yang hangus dalam kebakaran di Kampung Ketapang Hilir, Pekan.